

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	29 JUNE 2016

UMNO masih jadi pilihan rakyat

Um - 29/6/2016

KUALA LUMPUR 28 Jun - UMNO tetap menjadi pilihan rakyat biarpun bekas Timbalan Presidennya, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan bekas Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Tun Mahathir didakwa bakal menubuhkan parti baharu setelah dipecat daripada parti keramat itu.

Bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi berkata, UMNO masih kuat dan utuh, tidak akan ada mana-mana parti yang boleh menan-



**ABDULLAH
AHMAD BADAWI**

dingi mereka.

“Rakyat masih berpegang teguh pada UMNO dan tetap akan menyokong perjuangan parti ini,” katanya dalam sidang akhbar pada Majlis Berbuka Puasa Bersama Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh dan Presiden GPMS, Zambri Mohd. Isa.

Sementara itu, Setiausaha Agung

GPMS, Mohd. Alif Anas Md. Noor berkata, kira-kira 350 ahli jawatankuasa dari seluruh negara hadir pada program tahunan tersebut.

“Selain mengeratkan silaturahim, GPMS Kebangsaan turut memberi bantuan pentadbiran kepada GPMS negeri berjumlah RM5,000 bagi setiap negeri,” ujarnya.

Tambahnya, GPMS kini giat mengadakan aktiviti jelajah motivasi kepada 400 buah sekolah di seluruh negara untuk memberi motivasi kepada dan 60,000 pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3).